

'Pertingkatkan kualiti kepemimpinan BN'

BH- 11/2/2007

Pak Lah mahu ketua parti komponen atasi kemelut politik

Oleh Muhd Yusuf Abu Bakar dan Kandau Sidi

MIRI: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi meminta parti komponen Barisan Nasional (BN) meningkatkan kualiti kepimpinan sedia ada supaya selari dengan kehendak rakyat.

Perdana Menteri berkata, perkembangan politik sekarang sudah jauh berubah, sebagai parti yang kuat dan berpengaruh, BN harus melakukan perubahan besar.

"Kualiti kepimpinan perlu ditingkatkan dari segi komitmen bagi membolehkan rakyat terus menyokong kerajaan pimpinan BN sekarang. Kini, rakyat sudah ke depan dalam pemikiran dan pengetahuan, berikutan itu semua parti komponen perlu mengambil langkah seiring kehendak semasa," katanya berucap merasmikan Perhimpunan Agung Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) Sarawak Ke-11, di sini, semalam.

Hadir sama, Ketua Menteri Sarawak merangkap Presiden PBB, Tan Sri Abdul Taib Mahmud; dua timbalannya, Tan Sri Alfred Jabu Numpang dan Tan Sri Dr George Chan, menteri Kabinet negeri dan pemimpin kanan kerajaan negeri dan Persekutuan.

Abdullah yang tiba di Lapangan Terbang Miri pada jam 10.15 pagi, disambut kira-kira 5,000 ahli parti komponen BN Sarawak dan kakitangan kerajaan negeri dan Pusat.

Selepas merasmikan perhimpunan itu beliau turut meluangkan masa melawat kampus Universiti Teknologi Curtin Sarawak di Senadin, Kuala Baram, sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur pada sebelah petang.

Pengerusi BN itu turut meminta pemimpin parti komponen BN yang bertelagah menyelesaikan masalah mereka secepat mungkin.

Kemelut politik yang wujud, katanya, perlu diselesaikan secepat mungkin sejurus selepas membuat bedah siasat pilihan raya.

"Ia amat penting kerana selepas pilihan raya kita sewajarnya buat bedah siasat mengatasi kelemahan bagi membina kekuatan dalam menempuh cabaran lebih hebat," katanya yang yakin BN terus diberi peluang oleh rakyat bagi mentadbir



LAMBANG PERJUANGAN: Abdullah meletak replika keris dan lembing sebagai tanda perasmian perhimpunan Parti Pesaka Bumiputera Bersatu Sarawak sambil diperhatikan Abdul Taib (kiri) di Miri, semalam.

negara pada masa depan.

Abdullah yang kagum dengan kemajuan dikecapi Sarawak berkata, Kerajaan Pusat akan membantu melaksanakan koridor pembangunan wilayah di negeri ini seperti negeri di Semenanjung.

Perdana Menteri mengakui tidak mudah membangunkan Sarawak kerana negerinya begitu luas.

"Keluasan Sarawak dengan Semenanjung hampir sama, tetapi di Semenanjung ada banyak kerajaan negeri yang turut serta dengan Kerajaan Pusat memajukannya.

"Kerajaan Pusat akan membantu Sarawak membangunkan negeri ini termasuk bagi mewujudkan modal insan mencukupi dan terlatih," katanya.

Mengenai modal insan, Perdana Menteri mahukan penduduk negara ini terus membangunkan modal insan yang diyakininya mampu membawa kebaikan kepada negara.

"Saya berpegang kuat perlunya dibangun, dibina modal insan kerana

insan itu menjadi aset penting dalam pembangunan Malaysia.

"Tanpa kekuatan modal insan, kita tidak dapat membangunkan kekayaan sumber negara kita. Sebabnya, tiada kepakaran tenaga untuk membangunkannya. Justeru, segala kekayaan harus disyukuri dan gunakan kekuatan ke arah melahirkan

“Pertelagahan politik di kalangan pemimpin BN perlu diselesaikan secepat mungkin. Jika dibiarkan berlarutan akan membawa bahana lebih besar”

Abdullah Ahmad Badawi
Pengerusi BN

pembangunan seimbang. Modal insan yang kita mahu bina bukan hanya memiliki ilmu pengetahuan secukupnya, tetapi memiliki nilai murni yang terpuji," katanya.

Beliau berkata, kerajaan terus memperkasa sekolah kebangsaan dengan menerapkan beberapa perubahan dalam aktiviti kurikulum.

"Dalam masa terdekat ini, saya akan lancarkan satu program anjakan baru untuk memperkasa sekolah kebangsaan terutama di luar bandar. Tentu sekali Sarawak tidak diketepikan dalam program ini," katanya.

Terdahulu, Taib berkata, lebih ramai penduduk di Sarawak mampu mengakses kemudahan internet apabila kemudahan talian tanpa wayar disediakan syarikat telekomunikasi yang dilantik kerajaan negeri dalam tempoh terdekat ini.

Beliau berkata, menjadi harapan kerajaan negeri mahukan 50 peratus penduduk menikmati kemudahan itu dua tahun mulai sekarang.